

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini memberi maklumat penting kepada anda mengenai kemudahan Sewa Beli anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapatinya berguna untuk mereka; **anda juga patut membacanya.**



PUBLIC BANK

Kemudahan Sewa Beli – Kadar Boleh Ubah

Barang Berjadual

Barang Tidak Berjadual

Tarikh:

1. Apakah Kemudahan Sewa Beli?

Kemudahan Sewa Beli ialah perjanjian menyewa barang dengan pilihan untuk membeli secara ansuran. Faedah bagi kemudahan ini akan dicaj pada **kadar boleh ubah** yang disebut pada margin melebihi Kadar Pinjaman Asas (BLR) Bank.

2. Ketahui Obligasi Anda

- a) Amaun yang Dibiayai : RM _____
- b) Tempoh Sewaan : _____ bulan
- c) Caj Bertempoh : _____ % *setahun* + BLR, kini pada _____ %
- d) Jumlah Caj Bertempoh : RM _____
- e) Kadar Pembiayaan Efektif : _____ % *setahun*
- f) Ansuran Bulanan* : RM _____
- g) Ansuran Akhir* : RM _____
- h) **Jumlah Bayaran Balik** : RM _____
Amaun pada akhir _____ bulan
- *Butiran yang diperincikan adalah berdasarkan BLR yang diterima pakai pada waktu yang sama dengan penyata bertulis ini.

Senarai **Fi dan Caj**** yang anda perlu bayar:

1.	Mendapatkan kembali dokumen	RM10.00
2.	Salinan Perjanjian Sewa Beli	RM10.00 setiap salinan
3.	Untuk kenderaan baharu/kenderaan penyesuaian semula (<i>reconditioned</i>) yang diimport/kenderaan terpakai <ul style="list-style-type: none">• Caj pengangkutan bagi:<ul style="list-style-type: none">○ Pendaftaran dan Pindahan (untuk kenderaan terpakai sahaja)• Caj pengeposan• Fi urus niaga e-Hakmilik bagi:<ul style="list-style-type: none">○ Pendaftaran Tuntutan Hak Milik○ Permohonan pertukaran• Duti Setem<ul style="list-style-type: none">○ Penyewa<ul style="list-style-type: none">➢ Barang Berjadual➢ Barang Tidak Berjadual○ Penjamin (jika berkenaan)	RM10.00 RM10.00 RM3.00 RM3.00 RM10.00 Ad Valorem RM10.00
4.	Caj Pengeposan (Didebitkan kepada Akaun Sewa Beli) apabila Notis Berkanun dikeluarkan <ul style="list-style-type: none">• Notis Sewa Beli sebelum Permohonan untuk Perintah Mahkamah (NACO)• Notis Jadual ke-4 (NOR)• Notis kepada Penyewa Yang Mungkir (NDH)• Notis Jadual ke-5• Notis 14 Hari Sebelum Lelongan Awam	RM1.40 RM3.20 RM3.20 RM3.20 RM3.20

Notis Penting !!

Tanggungjawab anda **sebelum** dan **selepas** menandatangani perjanjian ini adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Membaca dan faham **terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.

Membayar ansuran bulanan secara penuh **tepat pada waktunya** sepanjang tempoh pembiayaan.

Hubungi kami jika anda ingin **menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal**.

Penyelesaian awal

Untuk mengira baki bersih yang perlu dibayar:

Baki Bersih yang Perlu Dibayar = Amaun Dibiayai yang Belum Jelas + Caj Bertempoh Terakru (sehingga Tarikh perlu bayar berikutnya) (*menurut Akta Sewa Beli, 1967*).

Hubungi kami segera, sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan.

**Tertakluk kepada cukai perkhidmatan jika berkenaan.

Untuk senarai penuh fi dan caj, layari laman web kami melalui www.pbebank.com.

3. Ketahui Risiko Anda

a) **Apakah risiko besar berkaitan dengan kemudahan sewa beli ini?**

Kadar faedah Sewa Beli ini boleh berubah dan mungkin berubah mengikut perubahan BLR. Peningkatan kadar faedah boleh mengakibatkan bayaran balik bulanan yang lebih tinggi dan/atau tempoh sewaan yang lebih panjang.

b) **Apakah yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi obligasi anda?**

- Anda **membayar jumlah yang lebih** berikutan caj bayaran lewat berdasarkan faedah mudah dan dikira setiap hari atas amaun tertunggak:
[] Barang Berjadual pada Kadar Boleh Ubah: 2% setahun melebihi kadar caj bertempoh semasa
[] Barang Tidak Berjadual pada Kadar Boleh Ubah: 2% setahun melebihi kadar caj bertempoh semasa
- Kami boleh **menolak** apa-apa baki kredit daripada akaun anda yang disenggara dengan kami untuk menolak selesai baki pinjaman anda.
- Kami berhak **mengambil balik kenderaan** sekiranya anda memungkir dua (2) ansuran berturut-turut.
- Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda dan anda perlu menanggung kos guaman.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas dan mengakibatkan kredit menjadi lebih sukar diperolehi atau lebih mahal untuk anda.

4. Terma Penting Lain

a) **Penjamin diperlukan:**

- [] Ya [] Tidak
[] Tertakluk pada terma dan syarat

b) **Cagaran diperlukan:**

- [] Ya [] Tidak
[] Tertakluk pada Terma dan Syarat

c) **Perlindungan Insurans/Takaful**

Anda perlu mengambil perlindungan insurans kenderaan/barang sehingga pembiayaan kemudahan sewa beli dijelaskan sepenuhnya. Bagi tahun pertama sewaan, perlindungan insurans komprehensif dengan jumlah perlindungan minimum untuk melindungi amaun yang dibiayai atau 85% daripada Harga Pembelian; mana-mana yang lebih tinggi.

Sila beri makluman bertulis (kepada cawangan pemegang akaun/Pusat Sewa Beli/Hab Sewa Beli) untuk apa-apa perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda. Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan atau memerlukan bantuan lanjut berkaitan dengan Kemudahan Sewa Beli anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03-2170 8000



Layari
<https://www.pbebank.com>



E-mel kepada kami
customerservice
@publicbank.com.my



Kunjungi Pusat Sewa Beli/
Hab Sewa Beli kami yang
berhampiran



Untuk terma lanjut; iaitu

- 1) Pendedahan Maklumat
- 2) Mekanisme Kemungkiran
- 3) Maklumat untuk Menghubungi Bank Negara Malaysia dan pertanyaan lain, sila imbas kod QR*

**Kod QR ini hanyalah untuk maklumat LPP. Pelanggan tidak perlu memasukkan apa-apa maklumat peribadi/perbankan/kad apabila mengimbas. Berhati-hati dengan penipuan dan jangan imbas kod yang diterima daripada sumber yang tidak diketahui.*

NOTA PENTING

1. Maklumat di atas hanyalah untuk tujuan indikatif, kadar faedah dan caj mungkin berbeza dan tertakluk pada terma dan syarat Bank.
2. Apa-apa rujukan yang dibuat kepada Akta Sewa Beli, 1967 dan peruntukan dalam Akta tersebut tidak diterima pakai kepada Barang Tidak Berjadual.
3. Maklumat yang dinyatakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada tarikh dalam ini.

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar akan tujuan anda menurunkan tandatangan.

- [] Saya mengakui bahawa Public Bank Berhad telah memberikan sesalanan LPP kepada saya.
[] Saya telah membaca dan faham maklumat penting yang terkandung dalam LPP ini.

**Perakuan pelanggan bagi LPP ini hendaklah tidak memprejudiskan haknya untuk membuat tuntutan jika seterusnya berlaku pertikaian ke atas terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh: